

04 AUG 1999

Rumah

PEMBINAAN RUMAH KOS RENDAH PERLU DISEGERAKAN

JOHOR BAHRU, 4 Ogos (Bernama) -- Pembinaan rumah kos rendah perlu dilaksanakan segera memandangkan ia dapat membantu menggerakkan pelbagai sektor pembangunan.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Industri Kecil Sederhana dan Kerajaan Tempatan negeri, Adam Abdul Hamid berkata Langkah itu juga secara tidak langsung membantu memulihkan ekonomi negara dan menggerakkan semula pembekalan simen dan batu-bata.

Beliau diminta mengulas laporan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan pembinaan projek pembangunan khususnya rumah kos rendah dibina dengan segera bagi menjimatkan kos.

Adam berkata kerajaan negeri juga sentiasa menghantar laporan setiap dua minggu sekali kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara mengenai perkembangan perumahan kos rendah yang dibina di Johor.

Setakat ini, Johor tidak menghadapi masalah dalam penyediaan keperluan rumah kos rendah kerana setiap pemaju diwajibkan memperuntukkan 40 peratus daripada kawasan yang dimajukan khusus bagi pembinaan rumah jenis itu.

Mengenai kempen pemilikan rumah yang dilancarkan di sini selama 10 hari mulai 29 Julai lepas, beliau berkata setakat Selasa lalu sebanyak 4,400 unit rumah telah ditawarkan kepada pembeli dan daripada jumlah itu sebanyak 3,100 unit telah disahkan pembeliannya.

Adam berkata masih terdapat 2,200 unit yang belum dijual.

Katanya, kempen pemilikan rumah itu membabitkan 24 pemaju perumahan dan setakat ini lapan pemaju perumahan sudah habis menjual kesemua jenis rumah yang ditawarkan iaitu rumah kos rendah RM25,000 dan rumah kos sederhana antara RM50,000 dan RM80,000.

"Kesemua lokasi kawasan perumahan di pinggir bandaraya kini menjadi pilihan pembeli," katanya.

Adam juga berkata kerajaan negeri mungkin bercadang untuk memberikan kuota Bumiputera kepada bukan Bumiputera jika Bumiputera gagal membelinya di sepanjang kempen ini.

-- BERNAMA

BH FAZ